



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA

## KENYATAAN MEDIA

### PENDAKWAAN TERHADAP KES KEMALANGAN MAUT DI IPOH, PERAK

Jabatan Peguam Negara ("Jabatan ini") merujuk kepada kes kemalangan jalan raya yang berlaku pada 15 Disember 2023 berhampiran dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Jati, Jalan Taman Jati 1, Ipoh, Perak ("SMK Jati") diantara sebuah kereta yang dipandu oleh seorang Pegawai Kanan Polis ("saspek") dengan sebuah motosikal yang ditunggang oleh seorang pelajar SMK Jati yang menyebabkan kematian pelajar yang berumur 17 tahun tersebut.

Setelah membuat penelitian ke atas hasil siasatan dan keterangan yang dikemukakan dalam Kertas Siasatan, Jabatan ini mendapati bahawa terdapat keterangan yang mencukupi bagi suatu kesalahan membunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan terhadap saspek.

Justeru, saspek akan dituduh secara tentatif di bawah Seksyen 302 di Mahkamah Majistret Ipoh, Perak pada Isnin 18 Disember 2023. Mahkamah Majistret kemudiannya akan menetapkan tarikh untuk memindahkan kes tersebut ke Mahkamah Tinggi Ipoh untuk tujuan perbicaraan.

**PEGUAM NEGARA**

**17 DISEMBER 2023**